


Tanah runtuh: Lapan sekeluarga diarah berpindah

Recqueal Raimi, am@hmetro.com.my



Pasukan bomba memantau lokasi tanah runtuh di Kampung Lebak Moyoh, Kota Belud.

Foto Ihsan Bomba

Kota Belud: Lapan sekeluarga diarah berpindah susulan tanah runtuh yang berisiko menjelaskan rumah mereka di Kampung Lebak Moyoh, di sini hari ini.

Kejadian kira-kira 7.30 pagi itu disedari penduduk selepas mendengar bunyi dentuman kuat dan menghubungi pasukan bomba untuk bantuan.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kota Belud, Muhammad Syazwan Latun berkata, pihaknya menerima panggilan pada 7.34 pagi dan sepasukan empat anggota hadir untuk pemantauan.

"Anggota mendapati berlaku runtuh tanah dan batu dari cerun bukit berhampiran namun tiada rumah rosak maupun mangsa tercedera," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, pasukan Jabatan Kerja Raya turut hadir menilai risiko runtuh dan lapan sekeluarga di sebuah rumah diarah berpindah.

Menurutnya, pasukan bomba memasang sawar di kawasan runtuh bagi mengelak kejadian tidak diingini dan operasi ditamatkan pada 12.44 tengah hari.

-Harian Metro